



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
Dokumen Penajaran Kurikulum**

**PENDIDIKAN KESIHATAN
TAHUN 6**

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dijajarkan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang dijajarkan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR serta ditambah baik daripada dokumen penajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang dijajarkan.

Dr. LATIP BIN MUHAMMAD
Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bidang	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
MODUL 1: KESIHATAN DIRI DAN REPRODUKTIF	<p>Standard Kandungan</p> <p>1.1 Mengetahui dan memahami pertumbuhan serta perkembangan fizikal yang sihat</p> <p>Standard Pembelajaran</p> <p>1.1.1 Menganalisis perubahan fizikal lelaki dan perempuan ke alam remaja.</p> <p>1.1.2 Memahami perubahan diri sebagai remaja lelaki dan perempuan untuk diterima serta dihargai.</p> <p>1.1.3 Mengaplikasikan cara menjaga kebersihan dan kesihatan diri remaja lelaki serta perempuan.</p>		

Bidang	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
KESIHATAN DIRI DAN REPRODUKTIF	<p>Standard Kandungan</p> <p>1.2 Mendemonstrasikan keupayaan dan kemahiran untuk menangani pengaruh dalaman serta luaran yang mempengaruhi kesihatan diri dan reproduktif</p> <p>Standard Pembelajaran</p> <p>1.2.1 Memahami situasi yang mendorong kepada tingkah laku seksual dan cara menanganinya.</p> <p>1.2.2 Memahami risiko tingkah laku seksual iaitu kehamilan, jangkitan seksual, HIV, AIDS dan ketagihan melakukan aktiviti seksual.</p> <p>1.2.3 Memahami kesan tingkah laku seksual terhadap diri dan keluarga.</p>		

Bidang	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
PEMAKANAN	<p>Standard Kandungan</p> <p>1.3 Mengetahui dan mengamalkan pemakanan yang sihat serta selamat</p> <p>Standard Pembelajaran</p> <p>1.3.1 Menganalisis makanan segar, makanan yang diproses, dan makanan segera.</p> <p>1.3.2 Memahami faedah pengambilan makanan segar.</p> <p>1.3.3 Memahami kesan pengambilan makanan yang diproses, dan makanan segera.</p> <p>1.3.4 Menilai makanan dan amalan pemakanan yang sesuai untuk mengelakkan penyakit tidak berjangkit.</p>		

Bidang	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
PENYALAHGUNAAN BAHAN	<p>Standard Kandungan</p> <p>1.4 Mengetahui jenis dan kesan penyalahgunaan bahan serta berkemahiran menangani situasi berisiko terhadap diri, keluarga dan masyarakat</p> <p>Standard Pembelajaran</p> <p>1.4.1 Mengetahui pelbagai jenis dadah.</p> <p>1.4.2 Menganalisis situasi berisiko berkaitan penyalahgunaan dadah.</p> <p>1.4.3 Memahami kesan negatif akibat penyalahgunaan dadah terhadap diri, keluarga dan masyarakat.</p> <p>1.4.4 Mengaplikasikan cara menangani situasi berisiko dalam penyalahgunaan dadah terhadap diri, keluarga dan masyarakat.</p>		

Bidang	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
MODUL 2: KESIHATAN MENTAL, EMOSI DAN SOSIAL PENGURUSAN MENTAL DAN EMOSI	<p>Standard Kandungan</p> <p>2.1 Mengetahui pelbagai jenis emosi, kepentingan dan cara mengurus emosi untuk meningkatkan kesihatan mental dalam kehidupan harian</p> <p>Standard Pembelajaran</p> <p>2.1.2 Memahami maksud kemahiran asertif.</p> <p>2.1.2 Memahami jenis-jenis kemahiran asertif iaitu verbal dan bukan verbal.</p> <p>2.1.3 Memahami kepentingan kemahiran asertif dalam mengurus emosi.</p> <p>2.1.4 Mengaplikasikan kemahiran asertif dalam mengurus emosi.</p>		

Bidang	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
KEKELUARGAAN	<p>Standard Kandungan</p> <p>2.2 Mengetahui peranan diri sendiri dan ahli keluarga serta kepentingan institusi kekeluargaan dalam aspek kesihatan keluarga</p> <p>Standard Pembelajaran</p> <p>2.2.1 Memahami proses perubahan mental, emosi dan sosial remaja dalam institusi kekeluargaan.</p> <p>2.2.2 Menganalisis peranan remaja dalam memperkuat institusi kekeluargaan.</p> <p>2.2.3 Menilai kepentingan peranan remaja dalam memperkuatkan institusi kekeluargaan.</p>		

Bidang	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
PERHUBUNGAN	<p>Standard Kandungan</p> <p>2.3 Mengetahui dan mengaplikasikan kemahiran interpersonal serta komunikasi berkesan dalam kehidupan harian</p> <p>Standard Pembelajaran</p> <p>2.3.1 Menganalisis situasi tekanan daripada rakan sebaya.</p> <p>2.3.2 Mengaplikasikan cara mengurus tekanan daripada rakan sebaya melalui komunikasi berkesan.</p>		

Bidang	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
MODUL 3: KESIHATAN PERSEKITARAN PENYAKIT	<p>Standard Kandungan</p> <p>3.1 Mengetahui jenis penyakit dan cara mencegah serta mengelak risiko penyakit dalam kehidupan harian</p> <p>Standard Pembelajaran</p> <p>3.1.1 Mengetahui penyakit bawaan makanan, dan penyakit bawaan air.</p> <p>3.1.2 Mengetahui gejala dan tanda penyakit bawaan makanan, dan penyakit bawaan air.</p> <p>3.1.3 Menganalisis cara merebak dan cara mencegah penyakit bawaan makanan, dan penyakit bawaan air.</p>		

Bidang	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
KESELAMATAN	<p>Standard Kandungan</p> <p>3.2 Mengetahui kepentingan menjaga keselamatan diri dan mendemonstrasikan kemahiran kecekapan psikososial dalam kehidupan harian</p> <p>Standard Pembelajaran</p> <p>3.2.1 Menilai pengaruh komuniti kepada keselamatan.</p> <p>3.2.2 Mengaplikasikan cara-cara menangani pengaruh yang mengancam keselamatan.</p> <p>3.2.3 Mengamalkan cara-cara memperkuat pengaruh positif untuk keselamatan.</p>		

Modul	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
PERTOLONGAN CEMAS	<p>Standard Kandungan</p> <p>3.3 Mengetahui asas pertolongan cemas dan kepentingan bertindak dengan bijak mengikut situasi</p> <p>Standard Pembelajaran</p> <p>3.3.1 Mengenal pasti kandungan peti pertolongan cemas yang lengkap dan fungsinya.</p> <p>3.3.2 Mengaplikasikan penggunaan peti pertolongan cemas dalam bantu mula.</p> <p>3.3.3 Mengaplikasikan penggunaan alternatif dalam bantu mula sekiranya tiada peti pertolongan cemas.</p>		

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917**